

Kumpulan ambil inisiatif tubuh Pergerakan Veteran UMNO

um 25 NOV 2004

Oleh **ABDUL RAZAK DIN**
dan **MOHD. ROMZI SAMSUDIN**

IPOH 24 Nov. — Sekumpulan ahli UMNO mengambil inisiatif untuk menubuhkan Pergerakan Veteran UMNO sebagai langkah memantapkan lagi perjuangan parti terbesar orang Melayu itu.

Usaha penubuhannya kini sedang digerakkan dan ia bakal menjadi kenyataan menjelang Jun tahun depan dengan sasaran keahlian 500,000 orang.

Pengerusi Penaja Pergerakan tersebut,

Datuk Tajudin Ali berkata, jika dipersetujui oleh Majlis Tertinggi UMNO, Pergerakan Veteran UMNO akan menjadi sayap keempat parti selepas Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri.

“Kita sedar UMNO memang kuat sekarang tetapi penubuhan Pergerakan Veteran UMNO akan memperkukuhkan lagi parti untuk semua peringkat,” katanya kepada pemberita selepas mesyuarat penubuhan Pergerakan Veteran UMNO Malaysia di Bangunan UMNO Perak di sini hari ini.

Selain Perak, mesyuarat itu turut dihadiri

oleh wakil-wakil pergerakan veteran UMNO Johor, Melaka, Kedah, Terengganu dan Selangor.

Idea untuk menubuhkan Pergerakan Veteran UMNO tercetus selepas hangat diperkatakan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sejak tahun 2001 yang mahu jasa-jasa tokoh dan ahli veteran UMNO diingati supaya mereka tidak bera-sa terpinggir atau diketepikan.

Sehubungan itu, Penaja Veteran UMNO Perak ditubuhkan pada 11 Januari 2003

■ Lihat muka 4

Kumpulan ambil inisiatif tubuh Pergerakan Veteran UMNO

um 25 NOV 2004

dan mengambil inisiatif menyiapkan Draf Peraturan Pergerakan Veteran UMNO untuk dijadikan garis panduan bagi memudahkan penyelarasan penubuhan pergerakan itu.

Draf itu kemudiannya dikemukakan kepada Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali sebelum diserahkan kepada Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad untuk dibawa ke peringkat Majlis Tertinggi UM-

NO (MT) bagi mendapat pengiktirafan penubuhannya.

“Kami berharap MT UMNO akan dapat menerima penubuhan Pergerakan Veteran UMNO ini kerana ia semata-mata untuk memperkukuhkan lagi parti,” katanya.

Tajudin yang juga Pengerusi Pergerakan Veteran UMNO Perak berkata, buat masa ini, terdapat 30,000 ahli veteran menyertainya di Perak dan 8 per-

tus daripada 3.2 juta ahli UMNO di seluruh negara kini terdiri daripada golongan veteran.

“Pergerakan ini berikrar tidak akan menyertai mana-mana peringkat pemilihan sebaliknya bertujuan membantu, memantau dan memeriahkan perkembangan aktiviti cawangan dan bahagian UMNO demi kemajuan dan kecemerlangan parti,” katanya yang juga bekas Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Spea-

ker DUN Perak dari tahun 1955 hingga 1976. Tajudin berkata, individu yang diiktiraf sebagai veteran UMNO ialah ahli-ahli yang sudah melebihi lima tahun menjadi ahli UMNO, berusia 56 ke atas.

Sehubungan itu, katanya, ahli-ahli veteran UMNO dijemput untuk mendaftar sebagai ahli Pergerakan Veteran UMNO dengan menghubungi Biro Penerangan Veteran UMNO Malaysia di talian 05-2530471.